

Nama :

SISTEM BAHASA – BHG B

Praktis 1

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah ini.

menebas menggantikan memulihkan dilonggokkan
menyalin mencantas memasukkan membersihkan
digantung memotong dihimpunkan mengumpulkan

Jes dan ayahnya _____ kawasan luar rumah mereka. Ayah Jes _____ rumput yang mulai panjang. Jes pula menyapu sampah sarap di sekeliling rumah. Mereka _____ rumput rampai dan sampah sarap ke dalam karung plastik hitam. Kakaknya pula menghias ruang beranda. Mereka _____ pasu bunga yang sedia ada dengan pasu bunga yang baharu. Bunga kaktus pelbagai bentuk dan warna turut diletakkan di atas meja luar. Pasu-pasu bunga jenis berjantai pula _____ menggunakan tali yang dianyam. Rumah Jes dan keluarganya kelihatan ceria dan cantik.

(b) Nyatakan **betul** atau **salah** bagi ayat-ayat di bawah ini.

1. Nurin menampal sekeping plaster kalis air pada luka di ibu jarinya. _____
2. Hajjah Fatimah memiliki sepuluh biji rumah sewa di Taman Maluri. _____
3. Beberapa untai tasbih kelihatan tergantung kemas di tepi rak. _____
4. Kapal Titanic tenggelam kerana terlanggar seketul ais. _____
5. Seekor arnab sedang makan sebiji lobak merah. _____

Praktis 2

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah ini.

mengelakkan	sebelum	setelah	terlepas
sokongan	dan	atau	terganggu

Hobi menanam pelbagai jenis pokok bunga sudah sehati dengan diri Fatimah.

_____ melihat kesungguhan dan minat Fatimah, ayahnya membina sebuah rumah lindungan tanaman sebagai tanda _____. Rumah itu dapat _____ tanaman daripada rosak akibat hujan lebat. Selain itu, sistem pengudaraan yang baik di dalam rumah itu dapat memastikan kerja menanam pokok bunga tidak _____ ketika cuaca sejuk _____ panas.

Tandakan (✓) pada ayat yang betul atau (X) pada ayat yang salah.

- (i) Adam tersangat gembira apabila dibenarkan keluar dari hospital. ()
- (ii) Antara mereka bertiga, Rahimahlah yang paling kuat berlari. ()
- (iii) Rumah banglo di atas bukit itu amat sungguh besar. ()
- (iv) Tali yang dibawa oleh Pak Kudin paling panjang. ()
- (v) Ayah bangga sungguh dengan keputusan ujian saya. ()